



PANDUAN PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM *MICRO CREDENTIAL* MELALUI KAEDAH SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLAPB) BERDASARKAN PENTAULIAHAN PROGRAM PENUH

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

01 APRIL 2023

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan Permohonan Pelaksanaan Program *Micro Credential* Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Bagi Program Penuh Yang Telah Ditauliah (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan untuk menetapkan keperluan Pusat Bertauliah (PB) yang telah ditauliahkan program penuh untuk hanya memohon melaksanakan program *Micro Credential* berdasarkan program penuh yang sama tanpa perlu ditauliahkan semula.
- 1.2 Panduan ini mengandungi syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 28: Kuasa Untuk Mengenakan Syarat, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama dengan peraturan-peraturan dan panduan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:
 - a. Panduan Pelaksanaan Dan Penilaian Program *Micro Credential* Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bertarikh 1 Julai 2022;
 - b. Panduan Pentauliahkan Program Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Program Modular Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Dan Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS) bertarikh 1 Julai 2021; dan
 - c. Mana-mana panduan dan peraturan lain yang berkaitan.
- 1.3 Program *Micro Credential* atau juga dikenali sebagai program modular adalah program jangka pendek yang dilaksanakan di PB di mana kandungan program adalah merujuk sebahagian daripada kandungan NOSS yang terpilih.
- 1.4 Pelaksanaan Program *Micro Credential* adalah bertujuan untuk:
 - a. membolehkan pelatih mendapat kemahiran untuk memasuki pasaran kerja dalam masa yang lebih singkat;
 - b. membantu memantapkan kemahiran pelatih agar mampu menjadi tenaga mahir yang berkualiti;

- c. membolehkan pekerja sedia ada meningkatkan kemahiran yang dimiliki melalui modul yang relevan dengan pasaran kerja semasa; dan
 - d. menggalakkan pelaksanaan latihan secara fleksibel sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi mendapatkan kelayakan kemahiran.
- 1.5 Pelaksanaan program *Micro Credential* ini diharap dapat membantu majikan dan industri yang memerlukan pekerja yang berkemahiran dalam tempoh yang lebih singkat di samping meningkatkan bilangan tenaga mahir negara yang diperlukan bagi negara ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi.

2. SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 PB telah mendapat pentauliahkan program penuh persijilan mengikut tahap atau persijilan tahap tunggal dan ianya masih aktif;
- 2.2 PB perlu memohon untuk melaksanakan program *Micro Credential* yang mana Unit Kompetensi (CU) atau Aktiviti Kerja (WA) di ambil daripada program penuh persijilan mengikut tahap atau persijilan tahap tunggal yang sama dengan yang telah ditauliahkan; dan
- 2.3 PB yang ingin melaksanakan program *Micro Credential* melibatkan gabungan CU atau WA daripada program penuh persijilan mengikut tahap atau persijilan tahap tunggal yang berlainan perlu memohon pentauliahkan terlebih dahulu.

3. PROSES PERMOHONAN

Permohonan pelaksanaan program *Micro Credential* boleh dibuat dalam sistem MySPIKE dengan menyertakan maklumat berikut:

- 3.1 Nama program *Micro Credential*

Mesti menggambarkan program bagi CU/WA yang berkaitan dan dihadkan pada 160 aksara sahaja.

3.2 Tempoh Latihan

- a. Tempoh latihan minimum bagi program *Micro Credential* adalah seperti yang dinyatakan dalam NOSS bagi setiap CU/WA yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan latihan dan penilaian bagi program *Micro Credential* hendaklah sekurang-kurangnya 20 jam termasuk tempoh penilaian.
- b. PB hendaklah mengemukakan jadual pelaksanaan latihan dan penilaian bagi program berkenaan.

3.3 Mod Latihan

Program *Micro Credential* boleh dilaksanakan dengan 2 mod latihan berikut:

- a. Separuh masa (tidak lebih 20 jam seminggu); atau
- b. Sepenuh masa.

3.4 Pegawai Penilai

- a. Lantikan Pegawai Penilai (PP)/ Pegawai Penilai *Micro Credential* (PP-m) untuk melaksanakan program *Micro Credential* adalah merujuk kepada kriteria dan syarat dalam Panduan Pentauliahan Program Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Program Modular Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Dan Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS) bertarikh 1 Julai 2021 atau yang sedang berkuatkuasa;
- b. PP bagi program penuh yang telah mendapat perakuan daripada CIAST serta tempoh perakuan masih aktif adalah dikecualikan daripada mendapatkan perakuan sebagai PP-m bagi melaksanakan modul program NOSS yang sama;
- c. PB hendaklah mengemukakan Carta organisasi Personel Pentauliahan program berkenaan.

4. PENETAPAN KAPASITI

Kriteria penetapan kapasiti pelatih program *Micro Credential* adalah seperti berikut:

4.1 Separuh masa

Kapasiti maksimum pelatih seperti program penuh dengan syarat tiada pertindihan penggunaan PP/PP-m dan penggunaan peralatan, bilik kuliah dan bengkel dengan pelaksanaan program sepenuh masa.

4.2 Sepenuh masa

Kapasiti bergantung kepada beza kapasiti program penuh dengan pelatih semasa dan juga:

- a. Bilangan PP-m baharu yang didaftarkan; dan
- b. PB hendaklah mengemukakan perincian jadual penggunaan peralatan dan kemudahan latihan termasuk bilik kuliah, peralatan dan bengkel jika menggunakan kemudahan atau peralatan yang sama dengan program penuh.

5. PERSIJILAN

Pelatih yang telah menjalani latihan, penilaian dan lulus dengan jayanya setiap CU atau WA bagi program *Micro Credential* berkenaan boleh dianugerahkan Sijil Penyata Pencapaian (PC).

6. KELULUSAN PERMOHONAN

Tempoh kelulusan pelaksanaan program *Micro Credential* ini adalah merujuk kepada tempoh pentauliahan program penuh. Program ini hanya diaktifkan dalam sistem mengikut tempoh pentauliahan program penuh sahaja.

7. TARIKH KUATKUASA

Panduan Permohonan Pelaksanaan Program *Micro Credential* Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan Pentauliahan Program Penuh ini mula berkuatkuasa pada **01 April 2023**.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

01 April 2023